



KENYATAAN MEDIA

WAQF GO LEARNING PERKASA AKSES PENDIDIKAN DIGITAL BERASASKAN WAKAF PERTAMA DI MALAYSIA

Akses Pendidikan Berkualiti Menerusi Platform Pembelajaran Digital Untuk Semua

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai ilmu, keterangkuman dan kesejahteraan sosial, **Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)** dengan kerjasama **ITTV Education Sdn. Bhd.** telah melancarkan **Waqf Go Learning**, sebuah **platform pembelajaran digital berasaskan wakaf yang pertama di Malaysia**, bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Platform ini dibangunkan khusus untuk memperluas akses pendidikan berkualiti kepada pelajar sekolah rendah dan menengah, terutamanya dalam kalangan keluarga B40 dan golongan asnaf. Ia menawarkan lebih **3,000 video pembelajaran selaras dengan silibus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** serta ciri-ciri tambahan seperti kuiz interaktif, forum tutor, papan pemuka pembelajaran (*personal dashboard*), sistem pemantauan ibu bapa, chatbot AI dan webinar langsung.

Dalam ucapan peluncurannya, **YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Mokhtar**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM menyatakan "*Waqf Go Learning membuktikan bahawa wakaf tidak lagi terhad kepada tanah dan bangunan semata-mata, tetapi telah berevolusi merangkumi teknologi, data dan platform digital. Ini adalah bukti bahawa institusi agama turut memimpin agenda digital secara inklusif dan bernilai, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dan agenda Islam Mekar di bumi Malaysia.*"

YWM turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Boon Tan yang telah mewakafkan sepenuhnya platform pembelajaran digital berjenama *Waqf Go Learning* (golearning.ywm.gov.my) kepada YWM. Menariknya, 10% daripada kutipan langganan platform ini akan disalurkan semula kepada YWM sebagai dana wakaf, sekali gus menjadikan model ini lebih lestari dan berimpak jangka panjang.

Menurut **Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Dr. Ridzwan Bakar**, *“Waqf Go Learning bukan sekadar platform digital, ia adalah sistem sokongan pendidikan negara yang digerakkan melalui wakaf. Ia membolehkan masyarakat menyumbang secara tersusun dan berstrategi kepada pembangunan modal insan menerusi instrumen yang telus dan mampan.”*

Pada masa hadapan, YWM juga merancang untuk memperluaskan capaian platform ini kepada pelajar tahfiz, OKU dan memperkenalkan modul TVET serta bimbingan kerjaya secara digital sebagai persediaan tenaga kerja masa depan. Sebagai permulaan **1,000 pelajar terawal ditawarkan akses percuma ke portal Waqf Go Learning bermula hari ini**, terbuka kepada pelajar daripada **Darjah 4 hingga Tingkatan 5**. Orang ramai boleh dapatkan maklumat terkini melalui portal rasmi YWM di www.ywm.gov.my serta saluran media sosial rasmi seperti **Facebook** dan **Instagram** rasmi Yayasan Waqaf Malaysia.

YWM menyeru semua pihak termasuk agensi kerajaan, Majlis Agama Islam Negeri, GLC dan sektor korporat serta swasta untuk tampil sebagai **rakan strategik Waqf Go Learning dan menaja pelajar asnaf dan B40** agar akses kepada pendidikan lebih menyeluruh tanpa mengira kaum, bangsa atau agama.

Waqf Go Learning merupakan transformasi wakaf yang bukan hanya membina aset, tetapi membina insan dan masa depan negara yang lebih adil, sejahtera dan berilmu. Untuk mendaftar Waqf Go Learning, layari **golearning.ywm.gov.my** atau imbas kod QR di bawah:



-TAMAT-

Yayasan Waqaf Malaysia
04 Ogos 2025

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my